

ANALISIS KAEDAH DAN DISPLIN ISTINBAT FATWA MUAMALAT DAN EKONOMI NEGERI SEMBILAN

ANALYSIS OF THE METHODS AND DISCIPLINES OF NEGERI SEMBILAN ISTINBAT FATWA IN MUAMALAT AND ECONOMY

Ahmad Azlan Raihan & Ros Mahwati Ahmad Zakaria

Abstrak

Bidang muamalat dan ekonomi merupakan satu pekerjaan terpuji yang mendapat perhatian yang sangat penting dalam Islam dan sangat sinonim dengan sejarah alam Melayu. Terdapat pelbagai dalil aqli dan naqli yang merujuk kepada aktiviti muamalat dan ekonomi yang kemudiannya dirujuk bagi menghasilkan fatwa yang menjadi garis panduan kepada umat Islam di Malaysia. Dengan sistem pentadbiran hal ehwal Islam yang diamalkan di Malaysia, selain daripada kerajaan pusat, kerajaan negeri juga boleh mengeluarkan fatwa yang dikuatkuasakan di bawah pemerintahan negeri melalui jabatan mufti negeri selepas jawatankuasa fatwa negeri memperhalusi dan meluluskan sesuatu fatwa. Objektif kajian ini dilakukan adalah untuk mengenalpasti kaedah dan disiplin fatwa yang digunakan dalam pengeluaran fatwa berkaitan muamalat dan ekonomi di Negeri Sembilan. Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif menggunakan kajian pustaka yang melibatkan kajian lepas, minit mesyuarat dan juga dokumen fatwa Negeri Sembilan. Di Negeri Sembilan, melalui Enakmen Pentadbiran Agama Negeri Sembilan 2003, sebanyak 15 buah fatwa yang telah dikeluarkan berkait dengan bidang muamalat dan ekonomi dari tahun 2009 -2020. Kesemua fatwa berkaitan muamalat dan ekonomi ini telah dikeluarkan mengikut satu daripada tiga kaedah berikut iaitu pertama; *qawl* Muktamad Mazhab Shāfi'i, yang kedua; *qawl* Muktamad Mazhab Hanafi atau Maliki atau Hanbali dan yang ketiga; Ijtihad Jawatan kuasa Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan, namun Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan (JKFNS) mengutamakan *qawl* muktamad Mazhab Shāfi'i dalam penentuan fatwanya. Kaedah dan disiplin ini digunakan bagi memastikan kepentingan awam terjaga khususnya bagi masyarakat Islam yang tinggal di Negeri Sembilan.

Kata Kunci: Islam, Sejarah, Negeri Sembilan, Mufti, Fatwa, Melayu

Abstract

The field of commerce and economics is a commendable field that receives very important attention in Islam and is very synonymous with the history of the Malay world. There are various aqli and naqli arguments that refer to muamalat and economic activities, which are then referred to in order to produce a fatwa that becomes a guideline for Muslims in Malaysia. With the Islamic affairs administration system practiced in Malaysia, apart from the central government, the state government can also issue fatwas that are enforced under the state government through the state mufti department after the state fatwa committee refines and approves a fatwa. The objective of this study is to identify the method and discipline of fatwas

used in issuing fatwas related to muamalat and the economy in Negeri Sembilan. The approach used in this study is a qualitative method using a literature review involving past studies, meeting minutes, and Negeri Sembilan fatwa documents. In Negeri Sembilan, through the Negeri Sembilan Religious Administration Enactment 2003, a total of 15 fatwas have been issued related to the field of religion and economy from 2009–2020. All of these fatwas related to muamalat and economy have been issued according to one of the following three methods: the first, The Ultimate qawl of the Shāfi'ī School; the second, qawl Muktamad Madhab Hanafi, Maliki, or Hanbali; and the third, Ijtihad. The authority of the Fatwa of the Negeri Sembilan Government, however, is that the Fatwa Committee of the Negeri Sembilan Government (JKFNS) prioritizes the final qawl of the Shāfi'ī School in determining its fatwa. This method and discipline are used to ensure that the public interest is maintained, especially for the Muslim community living in Negeri Sembilan.

Keywords: *Islam, History, Negeri Sembilan, Mufti, Fatwa, Malay*

PENGENALAN

Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003 menetapkan bahawa *qawl* muktamad Mazhab Shāfi'ī adalah mengikat kepada Mufti serta Ahli Jawatankuasa Fatwa dalam membuat keputusan berkenaan fatwa. Walau bagaimanapun, sekiranya timbul isu yang bertentangan dengan kepentingan awam, *qawl* muktamad daripada Mazhab Hanafi, Hanbali dan Maliki boleh dipertimbangkan. Selain itu, apabila tiada pandangan yang relevan daripada mazhab lain, Mufti dan Jawatankuasa Fatwa diberi kuasa untuk berijtihad dengan menggunakan pandangan yang dianggap sesuai. Analisis ini bertujuan untuk mengenal pasti sumber kaedah dan disiplin fatwa yang paling banyak digunakan oleh Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan (JKFNS). Dapatan awal kajian menunjukkan bahawa JKFNS mengutamakan *qawl* muktamad Mazhab Shāfi'ī dalam menentukan fatwa, meskipun terdapat beberapa fatwa yang diputuskan berdasarkan pandangan daripada mazhab lain

DEFINISI FATWA

Dari segi bahasa, istilah "fatwa" merujuk kepada terma bahasa Arab yang telah diterima dan diadaptasi dalam bahasa Melayu, yang bermaksud keputusan mengenai hukum agama yang belum pernah diputuskan, berdasarkan nas al-Quran, hadis dan sumber hukum lain, termasuk ijtihad oleh Mufti atau pihak yang berwenang dalam keputusan hukum syarak (Kamus Dewan Edisi Keempat).

Menurut Zulkifli (2019), fatwa ialah mengkhabarkan hukum syarak tanpa sebarang kemestian untuk dipatuhi berdasarkan kepada dua asas iaitu 1] Fatwa bersifat mengkhabarkan hasil ijtihad, bukannya ijtihad itu sendiri. Jawapan yang diberikan oleh seorang mufti kadang kala adalah bersifat peribadi. 2] Perkhabaran hukum Allah SWT kepada yang mesti dan harus sahaja adalah terhad. Ini kerana, ada juga hukum yang melepasi kemestian atau keharusan yang membawa kepada hukum-hukum taklifi. Juga sekiranya dengan maksud mesti atau harus, ia menyamai qada' pada kemestiannya.

SEJARAH INSTITUT KEFATWAAN NEGERI SEMBILAN

Institusi kefatwaan di Negeri Sembilan bermula pada tahun 1950 dengan pelantikan Mufti Pertama Kerajaan Negeri Sembilan, Sheikh Haji Ahmad bin Sheikh Haji Muhammad Said. Dalam mengeluarkan fatwa, Sheikh Haji Ahmad merujuk kepada dua kitab utama, iaitu *Kitab Tuhfatul Muhtaj* dan *Kitab Nihayatul Muhtaj*. Menurut Mujiburrahman (2003), *Kitab Tuhfatul Muhtaj*, yang ditulis oleh Al-Syaikh Ibnu Hajar Al-Haitami, diiktiraf sebagai sumber utama dalam Mazhab Shāfi'ī untuk pengeluaran fatwa. Para ulama selepasnya dalam Mazhab Shāfi'ī juga telah mengiktiraf kedua-dua kitab tersebut sebagai rujukan utama dalam penetapan fatwa berdasarkan Mazhab Shāfi'ī.

Mufti Kedua Negeri Sembilan, Dato Abu Hassan bin Sail, pula sering menggunakan kitab *Kasyful Lithām* sebagai rujukan dalam mengeluarkan fatwa. *Kasyful Lithām*, yang ditulis oleh Tuan Minal, merujuk kepada beberapa kitab fiqh bermazhab Shāfi'ī dalam bahasa Arab, termasuk *Al-Furuk* atau *Kasyf al-Lithām 'An Asilat al-anam* karya Husain bin Muhammad Al-Mahalli, *Manhaj al-Tullāb* dan syarahnya, *Fathu Al-Wahhab* oleh Al-Syaikh Al-Islam Zakaria Al-Ansari, *Fathu al-Muin Bisyarhi Qurratu Al-Ain* oleh Al-Syaikh Zainul Abidin bin Abdul Aziz Al-Malibari, *Al-Iqna' Fi Halli Alfaḥ Abi Syujak* oleh Al-Syaikh Muhammad bin Ahmad al-Syarbini Al-Khatib, *Tuhfah Al-Mubtaj bi Syarhi Manhaj* oleh Ibnu Hajar Al-Haitami dan *Nihayah Al-Mubtaj ila Syarhi Al-Manhaj* oleh Al-Syaikh Syamsuddin Muhammad bin Ahmad bin Hamzah al-Ramli.

Sheikh Haji Ahmad dan Dato Abu Hassan dapat dilihat menggunakan metodologi fatwa yang berlandaskan pandangan-pandangan muktamad dalam Mazhab Shāfi'ī. Pendekatan kaedah dan disiplin yang diterapkan oleh mereka telah melahirkan enakmen yang menjadi asas kepada kaedah istinbat fatwa di Negeri Sembilan pada masa ini.

METODOLOGI

Metodologi kajian ini melibatkan kajian dokumen perpustakaan dengan menganalisis fatwa-fatwa yang berkaitan dengan muamalat dan ekonomi serta kesesuaiannya dengan Seksyen 54. Data yang diperoleh kemudiannya dianalisis melalui kaedah analisis kandungan.

DAPATAN KAJIAN & PERBINCANGAN

Negeri Sembilan merupakan salah sebuah negeri di dalam Persekutuan Malaysia yang mempunyai enakmen berkaitan hal ehwal agama Islam pada peringkat negeri berhubung istinbat kefatwaan. Enakmen ini terkandung dalam isi kandungan Enakmen 10 Tahun 2003, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003 dalam Bahagian iii - Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Perkara Yang Berkepentingan Nasional iaitu Seksyen 54 bertajuk '*qawl*' Muktamad menyatakan bahawa:

- (1) Dalam mengeluarkan apa-apa fatwa di bawah Seksyen 49 atau memperakukan sesuatu pendapat di bawah Seksyen 53, Jawatankuasa Fatwa hendaklah pada lazimnya mengikut *qawl* muktamad (pendapat-pendapat yang diterima) Mazhab Shāfi'ī.
- (2) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa dengan mengikut *qawl* muktamad Mazhab Shāfi'ī suatu keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam akan terhasil, Jawatankuasa Fatwa bolehlah mengikut *qawl* muktamad mazhab Hanafi, Maliki atau Hambali.
- (3) Jika Jawatankuasa Fatwa berpendapat bahawa tiada satu pun *qawl* muktamad daripada empat mazhab itu boleh diikuti tanpa membawa kepada keadaan yang berlawanan dengan kepentingan awam, maka Jawatankuasa Fatwa bolehlah membuat fatwa itu mengikut ijtihad tanpa terikat dengan *qawl* muktamad daripada mana-mana mazhab yang empat itu. Secara ringkas, Seksyen 54 dalam enakmen ini menetapkan bahawa Mufti Negeri Sembilan atau Ahli Jawatankuasa Fatwa hendaklah mengeluarkan fatwa berdasarkan kaedah dan disiplin yang ditetapkan. Mereka diwajibkan untuk merujuk secara utama kepada *qawl* Muktamad Mazhab Shāfi'ī, atau pandangan-pandangan terpilih dalam Mazhab Shāfi'ī, yang juga dikenali sebagai pandangan Syafi'iyah. Sekiranya fatwa yang dikeluarkan mengikut Mazhab Shāfi'ī didapati bertentangan dengan kepentingan awam, maka Mufti atau Jawatankuasa Fatwa boleh merujuk kepada pandangan muktamad daripada mazhab-mazhab muktabar lain seperti Hanafi, Maliki dan Hanbali. Jika pandangan daripada mazhab lain juga masih bertentangan dengan kepentingan awam, Mufti dan Jawatankuasa Fatwa dibenarkan untuk menggunakan kaedah ijtihad berdasarkan keputusan para ulama kontemporari, sama ada secara persendirian atau secara berkumpulan.

Analisis yang dijalankan tertumpu kepada fatwa-fatwa berkaitan muamalat dan ekonomi yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan dari tahun 2009-2020, iaitu sebanyak 15 fatwa bertajuk:

- i. Kadar Fidyah
- ii. Pelaburan Dalam ASN, ASB dan seumpamanya
- iii. Status Pampasan Polisi Insurans Konvensional Selepas Kematian Pembeli Polisi
- iv. Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Pembangunan Tambahan Selain Dari Niat Asal Pewakaf
- v. Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain
- vi. Penerokaan Tanah Secara Tidak Sah
- vii. Percukaian Menurut Pandangan Islam: Kajian Terhadap Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)
- viii. Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi dan Seumpamanya Untuk Tunaikan Fardhu Haji Atau Umrah
- ix. Pembayaran Simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Ahli Yang Memeluk Islam
- x. Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariah (KWSP-Islamik)
- xi. Penjualan Produk Menggunakan Ayat Ruqyah (ayat al-Quran) Untuk Tujuan Komersial
- xii. Pelaburan Yang Dijalankan Oleh Syarikat Mecca Fund Global
- xiii. Sistem Jualan Langsung (MLM) Menurut Islam
- xiv. Parameter Perdagangan Forex oleh Individu Melalui Platform Elektronik
- xv. Wakaf Bagi Tanah Bertaraf “Hak Milik Terhad”

Bil.	Tajuk/Sighah	Qawl Muktamad Mazhab Shāfiʿī	Qawl Mazhab Hanafi/ Maliki/ Hanbali	Ijtihad Jawatan kuasa Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan
1.	Kadar Fidyah			
	Menggunapakai Pengiraan Fidyah	/		
	Puasa Menurut Mazhab Shāfiʿī		/	
	Pengiraan Fidyah Menurut Mazhab Hanafi		/	
	Pembayaran Fidyah Puasa Dalam Bentuk Beras		/	
	Pengagihan Hendaklah Diserahkan Kepada Baitulmal Negeri Sembilan	/		
2.	Pelaburan Dalam ASN, ASB dan Seumpamanya			
	Telah wujud panel sharīcah dalam institusi	/		
	PNB untuk mengurangkan peratus percampuran antara pelaburan yang halal dan haram.			
	Keputusan fatwa perlu dirujuk kepada masalah umum, maqasid sharīcah dan realiti semasa.	/		
	Isu ini juga bersifat ijtihadi khususnya bagi penentuan peratus keharaman yang dilakukan oleh Suruhanjaya Sekuriti	/		
3.	Status Pampasan Polisi Insurans Konvensional Selepas Kematian Pembeli Polisi			

- Insurans konvensional adalah suatu /
muamalah yang tidak patuh sharī'ah /
Pampasan polisi insurans konvensional /
yang diterima oleh ahli waris adalah /
dikira sebagai harta tidak patuh /
sharī'ah
- Jumlah bayaran pokok pembeli polisi /
ketika hayat sahaja dikategorikan /
sebagai harta peninggalan si mati yang /
perlu diagihkan secara sistem farā'id /
Harus bagi ahli waris tersebut untuk /
mengambil wang pampasan /
polisi insurans konvensional tersebut /
dengan jumlah sekadar keperluan /
sebagai fakir dan miskin /
4. **Membangunkan Tanah Wakaf Khas Dengan Pembangunan Tambahan Selain Dari Niat Asal Pewakaf** /
- Membangunkan tanah wakaf khas /
khususnya wakaf masjid dengan /
tambahan projek pembangunan atau /
beberapa penambahbaikan bagi /
menjamin harta wakaf tersebut kekal /
adalah diharuskan oleh Islam /
5. **Penyaluran Harta Tidak Patuh Syariah Ke Baitulmal Dan Institusi Islam Lain** /
- Diserah kepada Baitul mal untuk /
masalah-masalah umum umat Islam /
Jika harta tersebut merupakan harta /
rompak, curi dan seumpamanya, /
maka harta tersebut perlu /
diserahkan semula kepada /
pemilikinya /
6. **Penerokaan Tanah Secara Tidak Sah** /
- Aktiviti ihya' al-mawat hendaklah /
dilakukan dengan kawalan kerajaan /
agar ia tidak dimiliki atau dimonopoli /
oleh golongan tertentu sahaja /
Orang perseorangan/ berkumpulan /
yang menceroboh tanah kerajaan /
dengan menanam tanaman seperti /
kelapa sawit dan sebagainya adalah /
tidak harus /
Orang perseorangan/ berkumpulan /
yang menceroboh tanah rizab kerajaan /
(seperti rizab jalan, sungai, hutan dan /
lain-lain) dengan mendirikan rumah /
kediaman, rumah kedai dan bercucuk /
tanam juga tidak harus (haram) /
Orang perseorangan/berkumpulan /
yang

- mencerooboh tanah milik orang lain
(tanah bergerak) adalah haram
7. **Percukaian Menurut Pandangan Islam: Kajian Terhadap Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)** /
- Sebahagian ulama' iaitu Ibn Hazm, Ibn Taimiyah, Ibn al-Musili al- Shāfi'ī, al-Syatibi, Ibn Khaldun, ulama' semasa Mahmud Syaltut dan Ahmad al-aysuni membenarkan kerajaan untuk mengenakan cukai kepada rakyat sekadar untuk memenuhi maslahat umum pentadbiran negara.
- Muzakarah juga berpandangan bahawa apabila kerajaan mengutip cukai daripada rakyat, wujud kemudharatan khusus iaitu harta milik rakyat akan berkurangan.
- Namun, jika cukai tidak dikutip, banyak masalah umum tidak dapat dilaksanakan oleh kerajaan
- Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa Islam mengharuskan pemerintah atau Ulil Amri untuk mengutip cukai seperti Cukai Barangan Dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Malaysia
8. **Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi dan Seumpamanya Untuk Tunaikan Fardhu Haji Atau Umrah** /
- Adalah harus seseorang berhutang untuk menunaikan haji atau umrah daripada skim pinjaman wang
- Skim pinjaman tersebut hendaklah /
- Diuruskan melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, taawun, adil dan telus dalam operasinya
9. **Pembayaran Simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Bagi Ahli Yang Memeluk Islam** /
- Mengikut hukum syarak, orang bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam
- Jika seseorang bukan Islam memeluk Islam dan mempunyai simpanan KWSP dan telah menamakan penama orang bukan Islam maka hendaklah menukar penama tersebut kepada orang Islam
- Orang Islam boleh membuat wasiat kepada orang bukan Islam tidak melebihi 1/3 daripada hartanya /

10. Penyucian Dividen Simpanan Ahli KWSP Sedia Ada Sebelum Bertukar Ke Akaun KWSP Yang Diuruskan Mengikut Prinsip Syariat (KWSP-Islamik)

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa ahli KWSP sedia ada yang memilih akaun KWSP-Islamik tidak perlu melakukan pembersihan dividen bagi pertukaran kali pertama.

/

11. Penjualan Produk Menggunakan Ayat Ruqyah (ayat al-Quran) Untuk Tujuan Komersial

Islam tidak menafikan penggunaan ruqyah dan Rasulullah SAW menyebutkan bahawa sebaik-baik ubat ialah ayat-ayat al- Quran

/

Produk yang dilabelkan sebagai “makanan sunnah” dan makanan dan minuman yang diruqyahkan dengan ayat al-Quran serta zikir semakin berleluasa dan menjadi pelan pemasaran pengusaha produk-produk makanan dan barangan di negara ini. Ia telah menjadi kaedah untuk melariskan produk bersandarkan perkataan “makanan sunnah” dan ruqyah.

/

Muzakarah bersetuju memutuskan bahawa penggunaan ruqyah dan istilah “makanan sunnah” secara tidak bertanggungjawab untuk tujuan mengaut keuntungan dan melariskan produk adalah dilarang

/

Muzakarah menggesa supaya perbuatan tersebut ditangani segera supaya istilah “makanan sunnah” ini tidak difahami oleh masyarakat dalam konteks yang tidak tepat

/

Muzakarah juga bersetuju memutuskan supaya pelabelan, pengiklanan atau promosi untuk tujuan komersial atas nama ruqyah pada sesuatu produk adalah dilarang.

/

12. Pelaburan Yang Dijalankan Oleh Syarikat Mecca Fund Global

Muzakarah menegaskan bahawa terdapat beberapa syarat bagi kontrak mudharabah yang sah mengikut syarak Muzakarah mendapati bahawa pelaburan yang dijalankan oleh Syarikat

/

/

- Mecca Fund Global ini bertentangan dengan prinsip sebenar mudharabah dalam Islam
- Muzakarah bersetuju memutuskan /
bahawa pelaburan yang dijalankan oleh Mecca Fund Global adalah tidak mengikut prinsip mudharabah yang sebenar dan tidak sah mengikut hukum syarak
- Muzakarah juga menasihatkan umat /
Islam supaya tidak terlibat dalam skim pelaburan oleh Mecca Fund Global
- 13. Sistem Jualan Langsung (MLM) Menurut Islam**
- Perniagaan Multi Level Marketing /
(MLM) yang diluluskan Kerajaan adalah harus dan tidak bercanggah dengan konsep perniagaan Islam
- Sekiranya terdapat unsur-unsur Skim /
Piramid yang mengandungi unsur-unsur penindasan dan penipuan dalam sistem jualan MLM maka hukumnya adalah haram.
- Mana-mana orang yang ingin terlibat /
dengan perniagaan MLM ini hendaklah merujuk kepada Garis Panduan Jualan Langsung Secara Pemasaran Berbilang Tingkat (Multi Level Marketing) Menurut Sharīkah. (Garis Panduan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Bilangan 1/2013).
- 14. Parameter Perdagangan Forex oleh Individu Melalui Platform Elektronik**
- Perdagangan pertukaran mata wang /
asing (FOREX) oleh individu secara “lani” (individual spot Forex) melalui platform elektronik yang ada pada masa ini adalah haram
- Muzakarah juga menegaskan bahawa /
keputusan yang diputuskan ini tidak terpakai ke atas urusan pertukaran matawang asing menerusi kaunter di pengurup wang berlesen dan urusan pertukaran mata wang asing yang dikendalikan oleh institusi-institusi kewangan yang dilesenkan dibawah undang-undang Malaysia
- 15. Wakaf Bagi Tanah Bertaraf “Hak Milik Terhad”**
- Mewakafkan tanah hak milik terhad /
(leasehold) adalah sah dan diterima oleh syarak dan hendaklah di ta’bidkan (dikekalkan) menurut Mazhab Shāfi’ī.
-

Berdasarkan senarai di atas, sebanyak 15 fatwa berkaitan dengan muamalat dan kewangan, yang melibatkan hampir 42 sighah fatwa, telah dianalisis bersama Seksyen 54 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Sembilan 2003.

Dari jumlah tersebut, 35 sighah adalah selaras dengan pandangan *qaw/* muktamad Mazhab Shāfi'ī. Analisis menunjukkan bahawa 3 fatwa yang dikeluarkan bertepatan dengan pandangan mazhab muktabar, manakala 5 fatwa merupakan hasil ijtihad oleh Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan.

QAWL MUKTAMAD MAZHAB SHĀFI'Ī	QAWL MAZHAB HANAFI/ MALIKI/HANBALI	IJTIHAD JAWATAN KUASA FATWA KERAJAAN NEGERI SEMBILAN
35 Sighah 83%	3 Sighah 7%	5 Sighah 10%

Secara keseluruhan, Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan telah mematuhi disiplin kaedah yang digariskan dalam Seksyen 54 sebanyak 83%, yang menunjukkan pencapaian yang sangat baik. Hal ini selaras dengan naratif yang umum dalam masyarakat bahawa komuniti Islam di Malaysia, yang berpegang pada akidah Ahli Sunnah wal Jamaah, cenderung untuk mengikuti Mazhab Shāfi'ī. Kewujudan keperluan yang berbeza memungkinkan penggunaan kaedah daripada mazhab muktabar sebanyak 7%, yang masih berada dalam kerangka kaedah istinbat yang terkawal. Masalah-masalah baru yang timbul dan tidak wujud pada zaman keemasan mazhab mungkin menjadi faktor kepada tingginya penggunaan kaedah ijtihad dalam istinbat fatwa Negeri Sembilan. Penggunaan ijtihad oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Sembilan, yang menyumbang kepada 10% daripada keseluruhan fatwa yang dikeluarkan, menunjukkan bahawa isu-isu kontemporari yang tidak wujud pada zaman keemasan mazhab perlu diselesaikan dengan mempertimbangkan urusan dan zaman pada waktu fatwa tersebut dikeluarkan.

PENUTUP

Analisis yang dijalankan telah mengungkap sejarah kaedah serta disiplin yang digunakan dalam proses istinbat fatwa oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan. Penggunaan kaedah dan disiplin Mazhab Shāfi'ī secara meluas, mencapai tahap 80% ke atas, merupakan petunjuk adanya kesinambungan yang kukuh antara analisis zaman Mufti keempat Negeri Sembilan dengan kaedah serta disiplin yang diterapkan oleh Mufti pertama dan kedua Negeri Sembilan. Keseragaman dalam jalur ilmu ini adalah aspek yang menarik untuk dianalisis dan dapat ditambah baik dalam menghadapi cabaran-cabaran kefatwaan alaf baru. Ini mencerminkan keterbukaan terhadap kaedah dan disiplin lain, sambil tetap mempertahankan tradisi yang telah lama wujud.

RUJUKAN

- Mujiburrahman. 2003. *Argumentasi Ulama Syafi'iyah Terhadap Beberapa Tuduhan Bid'ah: Sebuah Upaya Merajut Ukhwah*, hlm. 265-266. (Mutiar Ilmu, 2003)
- Hanif Salleh. 1958. *Wahabi Vs Mufti Negeri Sembilan: Debat Antara Pengasas Wahabi Hashim Ghani & Jabatan Mufti Negeri Sembilan, 15 Januari 1958* (Rabu), di Pejabat Agama Islam Negeri Sembilan.
- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Sembilan) 2003, Enakmen 10 Tahun 2003, Bahagian III - Pelantikan Mufti, Kuasa Dalam Hal Ehwal Agama, Jawatankuasa Fatwa Dan Fatwa Yang Berhubungan Dengan Perkara Yang Berkepentingan Nasional. Diakses daripada http://www2.esyariah.gov.my/esyariah/mal/portallv1/enakmen/State_Enact_Upd.nsf/100ae747c72508e748256faa00188094/7f3ccd9c3ca07b41482572f700033109?OpenDocument.
- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. 2022. *Himpunan Fatwa Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus* (Pustaka Hikmah, 2022).
- Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan. 1998. *Himpunan Fatwa Dato' Haji Abu Hassan bin Haji Sail* (Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan Darul Khusus, 1998).

Zulkifli bin Mohamad al-Bakri, *Bayan Linnas Siri Ke-179: Metodologi Jawapan Hukum Dan Fatwa Mufti Wilayah Persekutuan*. Diakses daripada https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3440-bayan-linnas-siri-ke-179-metodologi-jawapan-hukum-dan-fatwa-mufti-wilayah-persekutuan#_ftn3

Ahmad Azlan Raihan
Pegawai
Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan
Aras 15, Menara MAINS, Jalan Taman Bunga,
70100 Seremban, Negeri Sembilan Darul.
E-mel: azlanraihan@gmail.com

Ros Mahwati Ahmad Zakaria (Ph.D)
Felo Penyelidik
Institut Alam & Tamadun Melayu
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor Darul Ehsan.
E-mel: rosmahwati@ukm.edu.my

Diserahkan: 13 Julai 2024
Diterima: 8 September 2024
Diterbitkan: 30 Disember 2024